

GARIS PANDUAN PROGRAM MOBILITI UNIMAS *BEYOND BORDERS*

1.0 Latar Belakang

Selaras dengan keperluan pembangunan serta pengurusan modal insan, pihak pengurusan universiti telah mengambil langkah yang lebih proaktif dalam merangka dan menyediakan satu program pembelajaran dan pengajaran yang berbentuk pendedahan kepada budaya kerja antarabangsa kepada semua staf pentadbiran (Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana) secara lebih sistematik dan tersusun.

Program ini dirangka semula dengan mengambil kira hasrat Menteri Pendidikan Tinggi yang mahukan penjawat-penjawat awam di Universiti Awam berfikiran secara global dan bertindak secara lokal. Program ini dijangka akan dapat melahirkan penjawat awam yang berfikiran global bagi memenuhi sasaran berkenaan. Ia akan dilaksanakan melalui program penempatan kerja (*job-attachment*) dan lawatan kerja ke organisasi terpilih bagi memberi pendedahan, kemahiran dan *networking* yang diperlukan.

Program ini dijangka akan dapat menyumbang kepada :

- i. Mempertingkatkan budaya kerja UNIMAS yang berkualiti, berprestasi tinggi, bernilai murni, berintegriti dan berakuntabiliti.
- ii. Warga UNIMAS menjadi modal insan yang kompeten, cekap, berintegriti serta memantapkan komitmen warga UNIMAS untuk melaksanakan fungsi-fungsi Pusat Tanggungjawab dengan cekap dan berkesan; dan
- iii. Pengkayaan pengalaman serta kemahiran dan menimba ilmu yang mampu memperbaiki proses dan sistem kerja yang diamalkan di UNIMAS.

2.0 Objektif

Objektif UNIMAS *Global Staff Outreach* (UGSO) program adalah untuk:

- i. Memantap dan memperkasakan aspek kepemimpinan institusi di persada antarabangsa;
- ii. Memberi peluang kepada staf untuk mempelajari sistem kerja yang lebih efisien dan efektif untuk diaplikasikan di UNIMAS;
- iii. Membina perwatakan, inovatif, berpandangan luas serta memahami isu-isu global dan serantau dengan pengalaman dalam sekitaran luar negara yang sebenar;
- iv. Membina staf yang berintelek luas, berupaya untuk berfikir secara kritis serta boleh melihat hubungan isu yang merentasi bidang pekerjaan masing-masing; dan
- v. Memberi kepelbagaian pengalaman budaya serta teknik komunikasi yang berkesan sebagai persediaan untuk bekerjasama dengan staf luar warganegara.

3.0 Peruntukan

UNIMAS akan menyediakan peruntukan maksimum sebanyak **RM25,000.00 untuk satu kumpulan** yang terdiri daripada **lima (5) orang peserta** untuk melaksanakan program ini. Peruntukan ini adalah merangkumi **tiket penerbangan, penginapan dan insuran perjalanan sahaja**.

Setiap kumpulan diwajibkan untuk membuat *penempatan kerja (job-attachment) dan lawatan kerja* ke universiti-universiti awam atau swasta atau institut-institut serta organisasi-organisasi di luar negara yang **mempunyai memorandum perjanjian atau memorandum persefahaman** dengan UNIMAS.

4.0 Kelayakan Pemohon

Program ini terbuka kepada semua **staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan pegawai Kumpulan Pelaksana** dari semua skim perkhidmatan di pelbagai gred jawatan.

5.0 Komposisi Penyertaan

Setiap program yang akan dijalankan hendaklah melibatkan pelbagai skim perkhidmatan dan gred pegawai seperti komposisi berikut:-

- i. **Pegawai P&P dan Staf Pelaksana (1:4); atau**
- ii. **Pegawai P&P dan Staf Pelaksana (2:3)**

Penyertaan program ini **dihadkan kepada 5 orang staf sahaja** dalam satu kumpulan.

Staf diberi kebebasan untuk membentuk kumpulan mereka sendiri tetapi masih tertakluk kepada pecahan komposisi seperti di atas. Penyertaan ahli kumpulan boleh melibatkan PTj yang sama atau gabungan mana-mana PTj mengikut kesesuaian. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Penilai berhak menentukan sekiranya terdapat peserta yang difikirkan kurang sesuai dalam kumpulan tersebut berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan atau berdasarkan kepada keterlibatan staf dalam masalah disiplin atau tatatertib.

Kumpulan yang dibentuk juga dipertanggung jawabkan untuk membuat pengisian program / aktiviti dan memilih universiti / institut / organisasi yang hendak dilawati. Semua perancangan untuk merealisasikan program termasuk perhubungan dengan pihak yang hendak dilawati adalah dilaksanakan oleh kumpulan itu sendiri.

6.0 Syarat Kelayakan Peserta

Syarat kelayakan peserta adalah seperti berikut:-

- i. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** dengan UNIMAS atas lantikan pertama;
- ii. Memperolehi markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terakhir sebanyak **80% dan ke atas**. Wajaran LNPT yang digunakan bagi tiga (3) tahun terakhir adalah seperti berikut:

- Tahun pertama - 20%
 - Tahun kedua - 35%
 - Tahun ketiga - 45%
- iii. **Diperaku oleh Ketua PTj** masing-masing; dan
- iv. **Tidak pernah** mengikuti Program Capaian Global (GOP) UNIMAS sebelum ini.

7.0 Pelaksanaan Program

- 7.1 Setiap kumpulan dikehendaki menyediakan kertas cadangan lengkap dan membuat pembentangan projek (*project pitch*) kepada Jawatankuasa Pemilih UNIMAS *Beyond Borders* untuk pertimbangan. Kumpulan juga dikehendaki menyediakan cadangan Pelan Transformasi Jangka Pendek Satu (1) Tahun (*quick win*) kepada Jawatankuasa Pemilih tersebut untuk dilaksanakan di UNIMAS selepas selesai program. Seterusnya, keputusan pembentangan projek akan dibawa ke Jawatankuasa Latihan untuk kelulusan.
- 7.2 Program sangkutan kerja (*job-attachment*) serta lawatan sambil belajar ke luar negara ini adalah untuk **tempoh minimum 14 hari** (termasuk hujung minggu tapi tidak termasuk hari perjalanan) dan **tidak melebihi 21 hari** yang akan mendedahkan ahli kumpulan kepada isu-isu yang merentasi sempadan dan juga isu-isu global.
- 7.3 Diwajibkan mengadakan sangkutan kerja (*job-attachment*) di universiti / institut / organisasi yang dipilih dengan menggunakan pendekatan pembelajaran secara pengalaman berasaskan seminar, persidangan, perbincangan serta taklimat ringkas, di mana ahli kumpulan akan didedahkan dengan sistem kerja efektif dan efisien di organisasi berkaitan.
- 7.4 Pengalaman mempelajari budaya tempatan melalui program berinteraksi dengan penduduk tempatan, penginapan dalam suasana tempatan dan perbincangan serta pertukaran maklumat dengan staf di organisasi berkenaan.

8.0 Laporan Program

Peserta dan ahli kumpulan **diwajibkan** untuk menyediakan laporan penuh secara bercetak dan secara digital dalam tempoh **satu (1) bulan** selepas tamat program. Kumpulan juga **diwajibkan** untuk membuat pembentangan dan perkongsian ilmu dari program yang telah diikuti. Pembentangan adalah kepada staf-staf lain dan ianya akan diselaraskan oleh ULC.

9.0 Tajaan Kewangan

Kumpulan dibenarkan untuk mendapatkan bantuan kewangan melalui proses penajaan. Walau bagaimanapun, permohonan penajaan adalah berdasarkan peraturan sedia ada yang ditetapkan oleh UNIMAS.

10.0 Sijil Penyertaan

ULC akan menyediakan Sijil Penyertaan kepada staf yang berjaya mengikuti program ini.

11.0 Tanggung Jawab Peserta

- a. Setiap peserta bertanggung jawab menjaga imej Universiti dan mesti mematuhi peraturan dan undang-undang di negara yang akan dilawati.
- b. Setiap kumpulan dikehendaki untuk melaksanakan Program UGSO ini selewat-lewatnya pada bulan November tahun kelulusan diberikan. Sebarang penangguhan ke tahun berikutnya adalah tidak dibenarkan.
- c. Setiap kumpulan yang telah menyelesaikan program hendaklah melaksanakan Pelan Transformasi Jangka Pendek satu (1) tahun (*Quick Win*) di UNIMAS.
- d. Setiap Kumpulan dikehendaki untuk membentangkan hasil capaian selepas satu (1) bulan kembali dari program.

12.0 Pasport / Visa

Penyediaan pasport antarabangsa dan visa adalah tanggung jawab setiap peserta.

13.0 Takaful / Insuran

Setiap peserta bertanggung jawab untuk menguruskan sendiri perlindungan insuran takaful / insuran persendirian dan insuran perjalanan. Manakala bagi keperluan perlindungan insuran kelompok, kumpulan perlu memaklumkan kelulusan program dan maklumat perjalanan kepada Bahagian Pengurusan Organisasi untuk tindakan lanjut.

14.0 Ahli Jawatankuasa Pemilih UNIMAS *Beyond Borders*


Setiap program yang akan dijalankan akan dinilai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih UGSO dan keahlian Jawatankuasa adalah terdiri daripada:-

- Pendaftar - **Pengerusi**
- Bendahari
- Pengarah Pusat Kepimpinan UNIMAS
- Pengarah Pembangunan
- Pengarah PeTARY
- Pengarah TAHODC
- Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat
- Timbalan Pendaftar Kanan, BPSM - **Setiausaha**
- BPSM – **Urus Setia**


15.0 Proses Kerja

Proses kerja permohonan *UNIMAS Beyond Borders* seperti di **Lampiran**.

**Proses Kerja Permohonan dan Kelulusan Menyertai Program Mobiliti
*UNIMAS Beyond Borders***



Proses Kerja Selepas Pelaksanaan Program Mobiliti UNIMAS *Beyond Borders*





KERTAS KERJA
PROGRAM MOBILITI UNIMAS *BEYOND BORDERS*

NAMA PROGRAM: XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

TARIKH: XXXXXXXXX

1.0 Latar Belakang

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins or other markings on the paper.

2.0 Objektif Program

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

3.0 Cadangan Pelan Transformasi Jangka Pendek Satu (1) Tahun (*quick win*) untuk dilaksanakan di UNIMAS selepas selesai program

[illegible]

4.0 Implikasi Kewangan

4.1 Jumlah peruntukan yang diperlukan adalah seperti di bawah :

Bil.	Perkara	Anggaran Peruntukan	Catatan

Peruntukan Yang Dipohon : RMXX,XXX.XX

4.2 Anggaran perbelanjaan yang diperlukan untuk seorang peserta adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Anggaran Perbelanjaan	Catatan

Anggaran Perbelanjaan Untuk Seorang Peserta : RMXX,XXX.XX

5.0 Aktiviti / Tentatif Program

Bil.	Tarikh / Masa	Program / Aktiviti	Catatan

6.0 Senarai Peserta yang Terlibat

Bil.	Nama Peserta	Jawatan	F/P/I/B	No. Kad Pengenalan	No. Tel	Emel
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						

7.0 Sebut Harga Pakej (Jika Ada)

--

8.0 Perakuan

Dengan segala hormatnya pihak Pengurusan Universiti dipohon untuk mempertimbangkan dan meluluskan peruntukan sebanyak RMXX,XXX.XX melalui Peruntukan Latihan Mobiliti Staf bagi membolehkan Kumpulan _____ membuat lawatan ke _____.

Disediakan Oleh :

T/Tangan : _____
Nama : _____
Jawatan : _____

Disahkan Oleh:

T/Tangan : _____
Nama : _____
Jawatan : _____



**LAPORAN PROGRAM MOBILITI
UNIMAS *BEYOND BORDERS***

NAMA PROGRAM :

TARIKH:

TEMPAT:

DISEDIAKAN OLEH:

LAPORAN PENUH PROGRAM

Sebelum Program :

1. _____
2. _____
3. _____

Semasa Program :

1. _____
2. _____
3. _____

Selepas Program :

1. _____
2. _____
3. _____

Masalah yang dihadapi :

1. _____
2. _____
3. _____

Cara – cara mengatasi :

1. _____
2. _____
3. _____

Kebaikan Program :

1. _____
2. _____
3. _____

Cadangan Penambahbaikan :

1. _____
2. _____
3. _____

Cadangan Pelaksanaan Pelan Transformasi Jangka Pendek Satu (1) Tahun (Quick Win) untuk dilaksanakan di UNIMAS selepas selesai program

Ringkasan Aktiviti (Sila masukkan gambar bagi aktiviti yang dijalankan):

Tarikh	Aktiviti	Catatan

Nota

Font: Century Schoolbook (11)